

01/08/2003

Media Barat perlekeh keputusan cerai SMS

Daud Awang

BUDAYA sistem pesanan ringkas (SMS) nampak semakin menular di kalangan masyarakat kita sejajar dengan kemajuan pesat dunia teknologi komunikasi. Jika sebelum ini SMS digunakan sebagai saluran memberi maklumat, pesanan, ucapan atau menyertai sesuatu peraduan, kini ia digunakan dalam pelbagai aspek kehidupan.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, misalnya menerima antara 50 hingga 100 SMS sehari yang meliputi pelbagai perkara daripada ucapan tahniah hinggalah kepada aduan dan rasa tidak puas hati rakyat.

Apa yang menarik, setiap SMS yang dihantar kepadanya akan dibalas sama ada cepat atau lambat. Selain itu, penulis sendiri menerima pelbagai SMS setiap hari termasuk jemputan kahwin dan majlis yang dianjurkan oleh pihak tertentu.

Bagaimanapun, Khamis lalu, kita dikejutkan apabila Mahkamah Syariah Gombak Timur, mengesahkan perceraian pasangan suami isteri dibuat menerusi kaedah ini.

Hakim Mohamad Fauzi Ismail memutuskan perkahwinan antara Azida Fazlina Abdul Latif dengan Shamsudin Latif berakhir apabila Shamsudin menghantar SMS kepada Azida Fazlina yang berbunyi: "Kalau engkau tak keluar dari rumah mak bapa engkau, jatuh talak tiga."

Beliau berkata, lafaz cerai yang dibuat oleh Shamsudin kepada isterinya di luar mahkamah melalui SMS pada 18 April lalu adalah cerai taklik.

Keputusan itu menimbulkan kebimbangan di kalangan pertubuhan dan pemimpin wanita kerana kemungkinan lebih ramai isteri menjadi mangsa perceraian melalui kaedah itu. Malah, ada yang menganggapnya sebagai satu penghinaan.

Mesyuarat Kabinet kelmarin berpendapat perceraian pasangan Islam menerusi SMS tidak sepatutnya dilakukan dan dibenarkan menjadi budaya di negara ini adalah satu keputusan yang tepat.

Arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) mengkaji sama ada enakmen baru diperlukan bagi memastikan penggunaan SMS, e-mel dan faks tidak disalahgunakan untuk tujuan perceraian sudah tentu disokong oleh semua pihak.

Bayangkan, seseorang suami hanya perlu membayar 15 sen untuk bercerai dengan menghantar SMS kepada isterinya. Dalam keadaan ini, apakah martabat atau nilai seseorang wanita itu dalam Islam?

Sebenarnya, isu perceraian melalui SMS bukan saja mendapat liputan meluas akhbar tempatan, malah Badan Penyiaran British (BBC) turut menyiarkan laporan itu yang seolah-olah memperlekehkan sistem perundangan Islam.

Barat seperti yang kita tahu sentiasa mencari jalan untuk memburuk-burukkan Islam dan keputusan ini telah dieksploitasi sepenuhnya oleh mereka kerana mereka yang mencipta sistem itu.

Oleh itu, tindakan segera perlu dilakukan agar SMS tidak disalahgunakan oleh suami untuk menceraikan isteri masing-masing. Sepatah kata Perdana Menteri:

"Daripada menghantar mesej (untuk bercerai), kita harap dia akan melihat wajah isterinya yang cantik itu, telefon dan berbual dengannya. Mungkin dia (isteri) akan menangis dan lelaki tadi akan menarik balik (hasrat untuk bercerai). Ini barulah kemajuan".